

Dua lagi wanita diperdaya sindiket dadah

KUALA LUMPUR: Dua wanita Malaysia ditahan di Lapangan Terbang Pudong, Shanghai, China kerana disyaki cuba menyeludup heroin ke negara itu yang didalangi sindiket dadah antarabangsa dari Afrika.

Nong Wen Wen, 33, dikatakan ditahan di lapangan terbang itu pada 20 Mei lalu, manakala Chan Cai Wen, 19,

ditahan tiga hari kemudian.

Penahanan itu menunjukkan sindiket berkenaan mula menjadikan wanita berketurunan Cina sebagai sasaran menjadi kurier dadah.

Sebelum ini, kebanyakan wanita Malaysia yang diperdaya terdiri wanita berketurunan India dan Melayu.

Berdasarkan maklumat, Chan yang berasal dari Ke-

lantan, ditahan bersama hampir satu kilogram heroin yang disembunyikan di dalam beg dibawa dipercayai tanpa pengetahuannya.

Menurut sumber, mangsa yang merancang berkahwin dengan seorang lelaki Afrika, dipujuk teman lelakinya membawa beg untuk diserahkan kepada saudara temannya itu di republik berkenaan.

Sementara itu, Nong pula dikatakan membawa dadah itu selepas menerimanya daripada seorang wanita Indonesia dikenali sebagai Linda.

Sumber itu berkata, wanita yang berasal dari Johor dan tidak bekerja itu bagaimanapun, ditahan selepas pihak berkuasa China mengesan heroin berkenaan yang belum diketahui beratnya.